

SOALAN NO. 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan di sempadan negara serta usaha yang dijalankan dengan negara jiran untuk membasmi kegiatan jenayah di persekitaran.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di sempadan negara dengan menjalinkan hubungan bersama negara jiran untuk membasmi kegiatan jenayah di kawasan sempadan.

Usaha Kerajaan dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan di sempadan negara boleh dilihat melalui hubungan dua hala di antara kedua-dua negara. Terdapat beberapa jawatankuasa di peringkat tertinggi yang mana Majlis Keselamatan Negara (MKN) merupakan sekretariat jawatankuasa iaitu seperti berikut:-

a) *General Border Committee (GBC)*

Jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Pertahanan Thailand/Indonesia;

b) *High Level Committee (HLC)*

Jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Panglima Angkatan Tentera Thailand/Indonesia;

c) *Regional Border Committee (RBC)*

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Panglima Medan ATM dan *4th Army Commander Angkatan Tentera Thai*;

d) *Coordinated Operations Control Committee (COCC)*

Jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Staf Operasi Latihan Pertahanan ATM dengan Ketua Staf Angkatan Tentera Indonesia; dan

e) *Border Management Working Group (BMWG)*

Jawatankuasa di peringkat sekretariat yang dianggotai oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) kedua-dua negara.

Kesemua jawatankuasa ini membincangkan segala permasalahan sempadan darat negara. Sebarang masalah akan dibincangkan di peringkat tertinggi dan diselesaikan demi kepentingan bersama.

Selain daripada itu, agensi-agensi keselamatan mempunyai hubungan rasmi dengan agensi-agensi keselamatan negara jiran dengan tujuan pertukaran maklumat operasi dan tindakan penguatkuasaan.

Sekian. Terima kasih.